

# 3

## SENIBINA

### PENUH MENAKJUBKAN

Salah satu pemandangan paling terserlah di Negeri Sembilan ialah bumbung rumah di Negeri Sembilan yang berbentuk ala Minangkabau. Sambil mewakili tanduk kerbau, haiwan yang mendapat tumpuan utama dalam budaya Minangkabau - bumbung tersebut menampilkan lengkukan di hujung. Pintu yang amat rendah dapat dilihat di istana dan rumah kediaman ketua kampung. Adalah dipercayai bahawa ini bertujuan untuk membuatkan pengunjung terpaksa tunduk sebagai tanda hormat untuk memasuki rumah-rumah ini.


Rumah-rumah di Negeri Sembilan barangkali merupakan satu-satunya perkampungan warisan dengan kediaman buatan kayu yang menampilkan struktur dua tingkat. Gadis-gadis yang belum berkahwin biasanya ditempatkan di tingkat 2 manakala ibu bapa pula tinggal di tingkat 1 bagi melindungi keselamatan mereka.

Salah satu contoh yang unggul bagi

senibina Minangkabau ialah Istana Lama Seri Menanti yang bercirikan dewan yang luas, struktur berbilang-tingkat dan ukiran-ukiran yang sungguh memukau.



Ukiran kayu




Muzium Di Raja di Seri Menanti

Bumbung Minangkabau



*Contoh senibina zaman penjajahan British*



*Contoh-contoh senibina Minangkabau*




Hotel Ria



Pasar Kraftangan di Labu Spur.

*Kompleks Negeri –  
tanda keteguhan  
ekonomi bumiputera.*






*Masjid Daerah  
Seremban.*




Klinik Pergigian Pusat, Seremban



Sekolah Rendah Berasrana di Petasseh



*Bandar Seremban*





*Dewan Besar SMTKK*



*Pemandangan indah di asrama SMTKK*



Istana Hinggap, kediaman rasmi DYMM Yang di-Pertuan Negeri Sembilan di Seremban.

### RESIDEN-RESIDEN NEGERI SEMBILAN

Ketika Tanah Melayu diambang penjajahan pihak Inggeris, Negeri Sembilan juga tidak dapat lari daripada proses kolonial tersebut. Setelah penjajah Inggeris mencampuri pemerintahan, maka berlakulah pelbagai perkara yang tidak diinginkan – *'Pecah-pecah dan perintah'* yang menjadi permainan penjajah. Sg. Ujong dan Jelebu terpaksa menerima seorang Residen British, dari tahun 1874 hinggalah 1895, kemudian diikuti oleh Rembau. Istilah Residen British digunakan semasa di awal penjajahan iaitu sebelum Perang Dunia ke-2 yang kemudiannya ditukar kepada *'Resident Commissioner'* dan akhirnya penggunaan Penasihat British digunapakai sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Penglibatan pihak Inggeris dalam sistem pentadbiran Negeri Sembilan telah bermula ketika berlakunya perebutan kuasa di antara Yamtuan Antah dan Tengku Ahmad Tunggal sebagai Yamtuan Seri Menanti. Kesan daripada inilah yang telah menjerumuskan Negeri Sembilan dalam perang saudara yang terkenal dalam catatan sejarah Negeri Sembilan sebagai **'Perang Bukit Putus'** pada 1874 dan akhirnya Yamtuan Antah telah dapat dikalahkan. Satu perjanjian telah dibuat antara Yamtuan Antah dan Penghulu Luak pada 1876 dengan disaksikan oleh Gabenor British. Yamtuan Antah telah dilantik menjadi Raja bagi Seri Menanti sahaja manakala luak lain ditadbir oleh Penghulu Luak.



*Pejabat Penerangan daerah  
di Jelebu.*



**Stadium Tertutup Nilai telah dibina untuk SUKMA X.**



Kompleks Rakan Muda Kuala Pilah yang baru dibina bagi anak negeri mengadakan aktiviti-aktiviti riadah dan kesukanan



Seremban Specialist Hospital dalam proses pembinaan.








Istana Hinggap, kediaman rasmi DYMM Yang di-Pertuan Negeri Sembilan di Seremban.



Replika sebuah Istana lama (Selindung Bulan) di Pagar Ruyong, Sumatera.



Rumah Gadang




Petempatan Awal di Bukit Tinggi, Sumatera.



**KEDIAMAN LUAK SUNGAI UJONG KE-10**


Struktur Rumah NS.  
(Rembau)





*Ibu Pejabat  
Kerajaan Negeri.  
Nadi pentadbiran negeri.*






**Rangka Rumah Melaka  
(Rumah tiang 12)**




Contoh kepala tangga di "Rumah Hantu" berhampiran lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur. Ukiran ini menyamai ukiran Minang, terutama pada papan "lampuk"—papan berukir penutup rasuk, dan bahagian bawah bendul—ukiran "awan tak sudah".




**GAMBAR 2**  
Contoh rumah Allahyarham Tuan  
Hj. Daud, bekas Pegawai Pertanian,  
di Kg. Tanah Datar, Chengkau.




*Balai (Pejabat) Undang Luak Rembau. Dibena dalam tahun 1924 zaman Dato' Abdullah bin Haji Dahan Undang Ke - 18 (1922 - 1938) dengan perbelanjaan Waris Fan.*




*Sebahagian bangunan lama Hospital Besar Seremban. Beberapa blok di-antara bangunan itu telah pun dirobuhkan dan sebahagian lagi masih digunakan untuk rawatan pesakit-pesakit khas.*



*Bangunan Sekolah Kebangsaan (Per) Kampung Tanjung Kota, dibena dalam tahun 1927 atas perbelanjaan Waris Fan.*




*Bekas Bangunan Rumah Tumpangan 'Rest House' Seremban yang terletak di sebelah bangunan Hotel Ria di Taman Bunga Seremban sekarang ini. Kini bangunan ini telah pun dirobuhkan kerana keadaannya yang tidak lagi sesuai.*



*Masjid bentuk lama tahun 1920an di Penajis. Hanya terdapat beberapa buah sabaja lagi di Rembau.*






*Bangunan Sekolah Menengah King George V, yang terletak di Jalan Zaaba, Seremban. Bangunan ini telah didirikan dalam zaman kerajaan Inggeris pada tahun 1923. Sekolah ini telah mengeluarkan penuntut-penuntut yang menjadi Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan dan juga Pemimpin-Pemimpin Negara.*




*Stesyen Keretapi Rembau. Dibena dalam tahun 1920an. Jalan keretapi Seremban – Tampin yang terentang itu dibena dalam tahun 1904.*



Bangunan Persekutuan di Seremban



*Balai SERI ANDIKA kediaman Y.A. Mulia Dato' Haji Adnan bin Haji Maah Undang Luak Rembau ke 20 (1962 –      ). Bumbungnya bergonjong bentuk Minangkabau. Disiapkan dalam tahun 1982.*




*Balai Yang Amat Mulia Tunku Besar Tampin.*

- a) Jenis geometrikal, yakni yang menggunakan garis-garis lurus, bulatan-bulatan atau segi-segi terukur.
- b) Jenis yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan (flora).
- c) Jenis yang bermotifkan haiwan (fauna), termasuk juga bahagian tubuh manusia.
- d) Jenis yang bermotifkan alam, seperti awan, ombak, api, gunung, cakrawala dsb.....
- e) Jenis kaligrafi atau seni khat.

Gambarajah beberapa awan ukiran




(a)



(b)



(c)




(d)



(e)



(f)




Petunjuk

- |     |                        |     |                  |
|-----|------------------------|-----|------------------|
| (a) | Tangga Hadapan         | (d) | Tengah rumah     |
| (b) | Serambi                | (e) | Bilik.           |
| (c) | Bilik pangkal serambi. | (f) | Tangga belakang. |


Bahagian-bahagian yang berukir.

Ukiran-ukiran terdapat pada:




***Kepala Tangga dengan ukiran Flora dan fauna (sisik tenggiling).***






- a) *Papan Kembang dinding dgn. awan pucuk rebung.*
- b) *Papan kembang atas bendul dengan ukiran 'awan tak sudah'*
- (c) *Bendul.*
- (d) *Papan Sasak.*
- (e) *Tupai-tupai.*






*Ambang pintu dengan ukiran lambai-lambainya dan seni kahat dan ukiran panel di bahagian atasnya.*



**Kincir air, salah satu alat yang dipergunakan untuk mengalirkan air dari sungai ke sawah.**

## LAKARAN KINCIR DAN JUZUK-JUZUKNYA






GERONGGANG KINCIR DAN TEBUKAN JARI-JARI



*Banglo rehat kerajaan  
di Port Dickson.*

## RAJAH KEDUDUKAN KINCIR



(a) kincir (b) panggau (c) palung (d) lantak panjang

(e) lantak pendek (f) lantak buang/tinggi

(-->) aliran air



*Sekolah Menengah King George Ke V.*






*Masjid Selemak yang digunakan hari ini. Bangunan masjid asal terletak di bahagian belakang sebelah kiri masjid ini.*





Bangunan Persatuan Bekas Prajurit

Bandar Baru Ampangan





Ibu Pejabat Kerajaan Negeri